

# PM: Format baharu isytihar harta akan dibentang

Oleh **FITRI NIZAM**

[fitri.nizam@mediamulia.com.my](mailto:fitri.nizam@mediamulia.com.my)

**PETALING JAYA:** Kerajaan dijangka perkenal format baharu pengisytiharan harta anggota pentadbiran kerajaan dan ahli Parlimen dengan lebih telus untuk dikuatkuasa semula.

Bagaimanapun, menurut Pejabat Perdana Menteri (PMO), format baharu tersebut masih di peringkat perbincangan oleh Jawatankuasa Khas Kabinet Tatakelola Nasional (JKKTN) sebelum ia dibentangkan ke mesyuarat Jemaah Menteri dalam masa terdekat.

“Selaras dengan prinsip ketelusan, JKKTN juga membincangkan tentang format baharu pengisytiharan harta oleh anggota pentadbiran dan ahli parlimen untuk dikuatkuasakan semula. Format baharu ini akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri dalam masa terdekat.

“Kerajaan kekal komited untuk memperkukuh agenda tatakelola baik selaras dengan aspirasi Malaysia Madani,” katanya dalam kenyataan dikeluarkan semalam.

**Bersambung di muka 3**

# PM: Format baharu isytihar harta akan dibentang

## Dari muka 1

Berdasarkan Pekeliling Jabatan Perdana Menteri (JKM) 2018, kod etika Anggota Pentadbiran adalah termasuk Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri, Setiausaha Parlimen dan Setiausaha Politik iaitu selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah Siri 2 Tahun 2018.

Pada masa sama, Anggota Pentadbiran dan ahli Parlimen hendaklah mengisytiharkan pemilikan harta mereka serta isteri atau suami, anak dan pemegang amanah mereka setiap dua tahun sekali untuk dikemukakan kepada Perdana Menteri dan salinannya diserahkan kepada Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Mereka hendaklah mengemukakan perisytiharan harta kali pertama dalam tempoh tiga bulan selepas mengangkat sumpah jawatan manakala senarai nama yang berjaya mengisytiharkan harta hendaklah dipaparkan dalam portal SPRM.

Pada Januari 2023, Anwar me-

nyatakan format baharu isytihar harta membabitkan Anggota Pentadbiran dan ahli Parlimen sebelum ini sebagai 'lawak' kerana tidak menggambarkan kekayaan sebenar seseorang individu tersebut.

Justeru beliau meminta SPRM memperhalusi dan menilai semula sistem berkenaan untuk memperkenalkan format baharu lebih komprehensif serta telus.

Perdana Menteri sendiri pernah mengisytiharkan harta pada November lalu bagi memenuhi syarat diputuskan PKR untuk semua calon PRU15 daripada parti itu. Aset bersihnya bernilai RM11,178,667.80 setakat 31 Oktober 2022 itu antara lain merangkumi hartanah termasuk kediaman bernilai RM10,350,000.

Presiden PKR itu turut mengisytiharkan aset tunai dan simpanan berjumlah RM828,667.83 serta pendapatan bulanannya sebagai Ahli Parlimen Port Dickson ketika itu sebanyak RM21,755.80.

Pada masa sama, dalam mesyuarat JKKTN yang bersidang pada semalam, PMO berkata, antara perkara dibincangkan adalah langkah pemantapan tatakelola Badan Berkanun Persekutuan (BBP) melalui pengukuhan pelaksanaan

peraturan dan prosedur pengurusan Badan Berkanun Persekutuan.

Menurut kenyataan itu, satu Garis Panduan baharu telah dipersetujui untuk menggantikan Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 1998 dengan menggariskan beberapa pembaharuan berhubung pengukuhan tatakelola.

"Antara yang dipersetujui adalah memperkukuh proses pelantikan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah BBP berdasarkan kriteria telus serta mewajibkan proses penilaian wajar melalui semakan keutuhan SPRM, insolvensi dan tapisan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Program pembangunan kapasiti Ahli Lembaga Pengarah BBP turut ditekankan dalam Garis Panduan ini," katanya.

Selain itu, antara yang dibincangkan adalah untuk memperkasakan peranan Audit Dalam secara menyeluruh di peringkat BBP termasuk syarikat dan perbadanan.

"Memperkukuh struktur dan komposisi keahlian Lembaga Pengarah dengan mewajibkan penglibatan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri khususnya kepada BBP yang menerima peruntukan

Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT).

"Pada masa sama, memperkukuh pengesanan, kawal selia dan tatakelola BBP melalui platform yang dikenali sebagai Sistem Badan Berkanun (SBSys) bagi tujuan pelaporan berkala kepada Perdana Menteri," katanya.

Kenyataan itu menambah, badan berkanun merupakan salah satu cabang sektor awam yang penting dan memerlukan pengurusan tatakelola yang baik.

Pada masa sama, sumbangan badan berkanun sebagai badan awam bukan sahaja mempengaruhi pertumbuhan ekonomi negara tetapi ia juga menjadi penyokong kepada pelaksanaan strategi oleh agensi pusat serta jabatan kerajaan yang lain.

"Melalui Pantau Madani, pemantauan Badan Berkanun Persekutuan akan dilaksanakan dengan lebih berkesan melalui pemerksaan peranan ICU, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara serta Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi (PACU).

"Pelaksanaan Garis Panduan ini adalah menjadi keutamaan untuk mendukung agenda Madani melalui pemerksaan BBP," katanya.